



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' ROSOL BIN WAHID**

**TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DALAM  
NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

**SEMPENA**

**PROGRAM 'LOVE LOCAL' DI STESEN PETRONAS  
SEMPENA KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA**

**BERTEMPAT DI**

**PETRONAS KOTA DAMANSARA 1,  
PETALING JAYA, SELANGOR**

**PADA**

**20 SEPTEMBER 2022, SELASA**

Terima kasih saudara/saudari pengacara majlis

1. **YBhg Datuk Roziah Abudin**

Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan Perdagangan Dalam Negeri KPDNHEP

2. **YBrs Tuan Azman Adam**

Ketua Pengarah Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP

3. **YBrs Encik Azrul Osman Rani**

Naib Presiden yang juga Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan Petronas Dagangan Berhad

4. **YBrs Mr Ian Malcolm Cruddas**

Ketua Pegawai Eksekutif Mesra Retail & Cafe Sdn Bhd

5. **YBrs Puan Liza Muhamad Zaki**

Rakan niaga untuk Petronas Kota Damansara 1

7. Pegawai-pegawai kanan Kementerian, Pegawai-pegawai kanan dan rakan niaga Petronas Dagangan Berhad, usahawan-usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana tempatan, sahabat-sahabat media dan hadirin hadirat yang saya hormati sekalian.

1. Pertama sekali, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bertemu pada program 'Love Local' sempena Kempen Beli Barangan Malaysia di stesen minyak Petronas Kota Damansara 1, Selangor, pada hari ini.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Petronas Dagangan Berhad khususnya Petronas Kota Damansara 1 atas kesudian menjemput saya untuk bersama-sama pada program hari ini.
3. Sebagaimana yang kita sedia maklum, Kempen Beli Barangan Malaysia atau ringkasnya KBBM adalah inisiatif berterusan yang dijalankan Kementerian bertujuan menyemai semangat patriotisme dan rasa bangga rakyat Malaysia terhadap barangan keluaran tempatan. Dimulakan pada 1984 dengan nama Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia, ia kemudian dijenamakan semula dengan nama Kempen Beli Barangan Malaysia pada 2009.
4. Alhamdulillah, KBBM dilihat memberi impak positif dalam melonjakkan ekonomi usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). Semakin banyak produk

tempatan berjaya menembusi ruang jualan di pasar raya asing, malahan juga meneroka pasaran eksport ke luar negara.

5. Saya berbangga melihat produk PMKS tempatan kini mampu berdiri sama tinggi dengan jenama terkenal antarabangsa dengan kualiti yang setanding hebatnya, malah ada yang lebih baik lagi.
6. Saya melihat KBBM juga telah berjaya membantu mengubah persepsi pengguna Malaysia yang dahulunya agak skeptikal dengan kualiti produk keluaran tempatan. Inovasi produk dihasilkan amat membanggakan yang bukan saja meliputi produk makanan dan minuman, malahan juga melangkaui rangkaian kosmetik, penjagaan dan kecantikan diri, pakaian, aksesori, kasut dan banyak lagi. Alhamdulillah, orang kita sudah semakin yakin dan gemar dengan produk tempatan.
7. Saban tahun nilai jualan produk jenama tempatan menerusi KBBM ini kian meningkat. Untuk tahun 2021 sahaja, sejumlah RM3.2 bilion nilai jualan produk tempatan direkodkan dan selaras dengan pemulihan ekonomi pasca pandemik yang semakin rancak kini, Kementerian yakin sasaran peningkatan sehingga 2.5 peratus nilai jualan KBBM untuk 2022 akan tercapai.

**Hadirin yang saya hormati sekalian,**

8. Dalam mendepani cabaran ekonomi yang terkesan dek pandemik COVID-19, usahawan PMKS ini masih teguh berdiri sehingga kini. Saya yakin KBBM menjadi antara pintu yang membantu aspek promosi dan pasaran produk PMKS ini secara lebih meluas di pelbagai platform termasuklah premis fizikal dan 'market place' atau e-dagang seperti Shopee, Lazada, PG Mall, Shoppymore dan Go Go Pasar. Ini memberi kekuatan untuk usahawan PMKS kekal berdaya saing walau dalam situasi ekonomi yang sukar.
9. Peranan besar rakan strategik antaranya pasar raya besar, kedai serbaneka dan rangkaian kedai syarikat minyak di seluruh negara seperti Kedai Mesra Petronas untuk memasarkan produk tempatan secara fizikal sememangnya amat signifikan dalam memacu pertumbuhan PMKS.
10. Kami di Kementerian merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Petronas Dagangan Berhad yang telah memberi komitmen tinggi dalam membantu menjayakan inisiatif KBBM ini menerusi program 'Love Local' yang digerakkan Petronas secara meluas.

11. Saya dimaklumkan bahawa sejak aktif menyokong KBBM bermula pada 2019, Petronas telah memberikan laluan dan tempat kepada usahawan PMKS tempatan di 185 premis Kedai Mesra Petronas di seluruh negara. Saya difahamkan jumlah itu semakin meningkat dengan sehingga tahun 2022 ini, lebih 700 Kedai Mesra Petronas seluruh negara giat memasarkan produk buatan tempatan.
  
12. Difahamkan, sehingga Ogos 2022 ini, 'Love Local' sempena KBBM telah memanfaatkan lebih 1,800 usahawan atau pengeluar produk tempatan yang diberikan peluang membekalkan serta memasarkan produk mereka di rangkaian Kedai Mesra Petronas. Tahniah dan syabas saya ucapkan.
  
13. Di kesempatan ini, saya amat berbesar hati untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan untuk Petronas kerana tidak hanya agresif menyokong usaha Kementerian dalam merencanakan KBBM, tetapi juga menjadi perintis menggerakkan inisiatif murni lain seperti program Segar@Mesra. Jika ada yang masih belum tahu, Segar@Mesra adalah program kerjasama strategik antara KPNDHEP bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Petronas yang dilancarkan sejak Januari 2021.

14. Melalui program ini, hasil pertanian, ternakan, perikanan dan makanan siap dimasak yang disejuk bekukan dapat dipasarkan terus kepada pengguna, sekaligus memendekkan rantai bekalan dan membuka ruang pasaran baru kepada produk-produk hasil pertanian usahawan tempatan. Segar@Mesra juga dapat memberikan kos kompetitif dan jaminan kualiti kepada pelanggan dengan tawaran produk sejuk beku dan hasil tanaman yang segar.
15. Setakat ini, program Segar@Mesra yang berkonsepkan 'farmer to consumer' ini mendapat sambutan amat menggalakkan dan telah dilaksanakan di 75 Kedai Mesra Petronas seluruh negara. Ramai yang memuji ia memudahkan terutama untuk golongan ibu bekerja yang boleh mendapatkan barangan mentah dan produk sedia dimasak pada bila-bila masa. Syabas dan tahniah untuk Petronas yang sentiasa prihatin dengan keperluan yang dapat memberi nilai tambah kepada pengguna.

**Hadirin yang saya kasihi sekalian,**

16. Melihatkan kepada sambutan dan sokongan pengguna terhadap program Segar@Mesra ini, Kementerian merasakan inisiatif Petronas menerusi

program ini harus dijadikan contoh untuk pemain industri lain mempergiatkan usaha yang sama.

17. Oleh itu, saya menyeru supaya syarikat-syarikat minyak lain dapat mencontohi dan menggerakkan pelaksanaan inisiatif jualan barangan basah sejuk beku termasuk produk sedia dimasak dan sedia dimakan di stesen minyak masing-masing. Ia secara tidak langsung dapat membantu pengusaha tempatan memasarkan hasil pertanian, ternakan dan tanaman mereka secara lebih meluas dan dalam masa sama memenuhi permintaan pengguna.

18. Sebelum mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya menzahirkan ucapan terima kasih kepada Petronas atas semua daya usaha yang dijalankan termasuk promosi dan inisiatif 'Love Local' bagi menyokong KBBM ini. Kementerian sangat mengalu-alukan dan menghargai sokongan serta kerjasama rakan strategik seperti Petronas untuk menjayakan program dan inisiatif yang dirangka Kementerian dalam melonjakkan sektor PMKS ini.

19. Ayuh Keluarga Malaysia, teruslah sokong dan beli produk keluaran tempatan kerana kalau bukan kita, siapa lagi? #barangbaikbarangkita. Bantulah usahawan



tempatan ini untuk terus berkembang ke pasaran global dan dalam masa sama merencanakan lagi pertumbuhan ekonomi domestik yang akan turut membuka lebih banyak peluang pekerjaan untuk anak tempatan.

20. Tahniah juga buat usahawan tempatan yang telah memanfaatkan peluang dan ruang diberikan Petronas untuk memajukan lagi perniagaan diusahakan. Teruslah hasilkan produk yang bermutu tinggi, unik dan menarik. Semoga terus maju jaya.

21. Sekian, Assalamualaikum WBTH.